



PANDUAN PENTAULIAHAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN SISTEM
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)
UJIAN TANPA MUSNAH (NDT) SEPANJANG
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

1.0	SKOP PANDUAN	3
2.0	TUJUAN PANDUAN	3
3.0	SINGKATAN	4
4.0	TAFSIRAN	4
5.0	POLISI SEMENTARA BERKAITAN PERSIJILAN NDT	5
6.0	POLISI SEMENTARA BERKAITAN PEPERIKSAAN NDT	6
7.0	PELAKSANAAN LATIHAN	8
8.0	TARIKH KUATKUASA	9

1. SKOP PANDUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan bagi memperincikan berkenaan pengurusan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Ujian Tanpa Musnah (NDT) berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dalam usaha membendung penularan wabak pandemik COVID-19. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Pengurusan Latihan Kemahiran Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di Bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

2. TUJUAN PANDUAN

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang sangat besar kepada negara-negara di seluruh dunia dan tidak terkecuali Malaysia yang turut terkesan dalam semua aspek. Di Malaysia, kes pertama jangkitan COVID-19 telah dikesan pada 23 Januari 2020 dan Kerajaan telah melaksanakan PKP bermula 18 Mac 2020 diikuti dengan beberapa fasa seterusnya iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan juga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020. Namun demikian, susulan gelombang seterusnya penularan wabak berkenaan, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menguatkuasakan semula PKP pada awal tahun 2021 iaitu mulai 13 Januari 2021, melibatkan ketiga-tiga peringkat pelaksanaan iaitu PKP, PKPB dan PKPP ke atas negeri-negeri tertentu di seluruh Malaysia.

Susulan daripada ketidak tentuan penularan pandemik yang melanda dan arahan semasa Kerajaan, JPK telah membangunkan satu garis panduan sementara berkaitan pengurusan SPKM NDT dengan mengambilkira keperluan ISO 17024, ISO 9712 dan saranan pengoperasian badan persijilan oleh pihak *International Committee for Non-Destructive Testing (ICNDT)* termasuklah membenarkan pelanjutan tarikh sah laku sijil kepada pemegang-pemegang sijil yang berkenaan dan calon-calon yang terjejas. Pelanjutan ini dilaksanakan secara automatik dan tidak memerlukan sebarang permohonan. Tempoh sah laku Sijil yang tidak termasuk dalam tempoh yang dinyatakan adalah tidak termasuk dalam kategori diberi pelanjutan.

Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu penyelarasan aktiviti persijilan, peperiksaan dan pelaksanaan latihan SPKM NDT di bawah seliaan JPK. Ia digunakan sebagai rujukan kepada semua personel SPKM NDT termasuklah pemegang Sijil SPKM NDT, calon, Pusat Bertauliah dan Pusat Peperiksaan NDT JPK serta pihak berkepentingan lain mengenai pengurusan SPKM NDT susulan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP di Malaysia.

Garis panduan ini juga adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu dan arahan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari masa ke semasa.

3. SINGKATAN

COVID-19	- <i>Coronavirus disease</i>
JKK	- Jabatan Pembangunan Kemahiran
NDT	- <i>Non-Destructive Testing</i>
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
SKM	- Sijil Kemahiran Malaysia
SPKM	- Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

4. TAFSIRAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Tindakan pencegahan terhadap penularan wabak COVID-19 oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia melalui pelaksanaan kawalan pergerakan atau kuarantin di sesuatu kawasan yang disandarkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Tindakan pelonggaran syarat-syarat PKP tertentu untuk membuka semula ekonomi negara secara terkawal, tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard atau SOP seperti yang digariskan oleh MKN dari masa ke semasa.

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Fasa pemulihan dari pelaksanaan PKP dan PKPB.

5. POLISI SEMENTARA BERKAITAN PERSIJILAN NDT

Polisi sementara bagi menyelesaikan perkara-perkara berkaitan persijilan NDT adalah seperti berikut:

- 5.1 Sah laku sijil SKM NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh bermula pada **13 Januari 2021** dan seterusnya, dilanjutkan secara automatik ke **30 Jun 2021** tanpa perlu memohon.
- 5.2 Pembaharuan persijilan masih boleh dilakukan secara atas talian melalui eNDT. Walau bagaimana pun, kelulusan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Persijilan NDT. (Ruj. : ISO 9712:2012, klaus 10.2)
- 5.3 Permohonan persijilan baharu masih boleh dilakukan secara atas talian melalui eNDT. Sekiranya calon dapat memenuhi syarat permohonan persijilan baharu dengan jayanya dan disahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Persijilan NDT, maka sijil akan dikeluarkan bagi tempoh selama lima (5) tahun bermula dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Persijilan NDT. (Ruj. ISO 9712:2012 7.3.1).
- 5.4 Persijilan semula untuk Tahap 3 melalui sistem kredit boleh dilaksanakan secara atas talian melalui eNDT beserta bukti bagi keperluan ISO 9712: 2012, Annex C.
- 5.5 Tarikh sah laku sijil adalah kekal dan tidak terkesan dengan pelanjutan tempoh yang dilaksanakan. Sebagai contoh, sijil yang akan tamat tempoh pada 4 April 2021, di bawah peraturan lanjutan ini, dikehendaki untuk menjalani peperiksaan verifikasi selepas tempoh PKP tamat dan sebelum tempoh pelanjutan berakhir iaitu 30 Jun 2021. Sekiranya calon dapat meduduki peperiksaan dengan jayanya, maka sijil akan diperbaharui semula selama lima (5) tahun lagi bermula dari tarikh tamat sah laku sijil yang asal.

- 5.6 Tanggungjawab majikan sebagaimana terperinci dalam ISO 9712 adalah kekal dan tidak berubah.
- 5.7 JPK akan sentiasa memantau dan sebarang perubahan mengikut keperluan semasa akan dimaklumkan kelak.
- 5.8 JPK selaku badan persijilan yang bertanggungjawab seharusnya dimaklumkan dengan segera sekiranya terdapat mana-mana syarat yang disebut di atas yang tidak dipenuhi.
- 5.9 Contoh pengiraan tarikh tamat baharu bagi Sijil pemohon pembaharuan dan persijilan semula adalah seperti berikut:

Contoh	Jenis Permohonan	Tarikh Tamat Asal	Tarikh Tamat Baharu
1	Pembaharuan	30 Mac 2021	30 Jun 2021
2	Pembaharuan	4 Januari 2021	Tiada (mengikut tarikh tamat asal)
3	Persijilan Semula	26 Februari 2021	30 Jun 2021
4	Persijilan Semula	10 Januari 2021	Tiada (mengikut tarikh tamat asal)

6. POLISI SEMENTARA BERKAITAN PEPERIKSAAN NDT

Polisi sementara bagi menyelaras perkara-perkara berkaitan peperiksaan NDT adalah seperti berikut:

- 6.1 Berdasarkan arahan semasa, pelaksanaan peperiksaan teori dan praktikal secara bersemuka semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP adalah dibenarkan. PB dikehendaki menyediakan dan mematuhi SOP khusus untuk pelaksanaan peperiksaan teori dan praktikal mengikut norma baharu, sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia. Syarat dan kaedah pelaksanaan

peperiksaan hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Latihan Kemahiran Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliahan (SLaPB) di Bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

- 6.2 Calon perlu berhubung dengan PB NDT bagi mendapatkan maklumat tarikh sebenar pelaksanaan peperiksaan.
- 6.3. Calon boleh mendaftar untuk menduduki peperiksaan melalui sistem eNDT setelah sesi peperiksaan diwujudkan dalam sistem eNDT.
- 6.4 Peperiksaan yang ditangguhkan semasa tempoh PKP sebelum ini adalah dibenarkan untuk dilaksanakan semula.
- 6.5 Tarikh sah laku slip peperiksaan yang tamat tempoh bermula pada **13 Januari 2021** dan seterusnya akan dilanjutkan secara automatik ke **30 Jun 2021**.
- 6.6 Slip peperiksaan adalah terbatal sekiranya calon tidak membuat sebarang permohonan persijilan baharu selepas **30 Jun 2021**. Calon perlu menduduki semula peperiksaan sebagai calon baharu jika masih ingin mendapatkan SKM NDT.
- 6.7 Calon yang gagal dalam peperiksaan sebelum ini dan tarikh sah laku slip peperiksaan tamat dalam tempoh PKP, beliau boleh menduduki semula peperiksaan sebelum **30 Jun 2021**.
- 6.8 Peperiksaan verifikasi yang ditangguhkan semasa tempoh PKP sebelum ini adalah dibenarkan untuk dilaksanakan semula.
- 6.9 Tempoh sah laku slip peperiksaan adalah kekal dan tidak terkesan dengan pelanjutan tempoh yang dilaksanakan. Sebagai contoh, slip peperiksaan yang akan tamat tempoh pada 4 Februari 2021, di bawah peraturan lanjutan ini, dikehendaki untuk memenuhi syarat permohonan persijilan baharu sebelum tempoh pelanjutan berakhir iaitu **30 Jun 2021**. Contoh bagi pengiraan tempoh sah laku slip adalah seperti berikut:

Contoh	Tarikh Tamat Slip Peperiksaan (Asal)	Tarikh Tamat Slip Peperiksaan (Baharu)
1	4 Januari 2021 (sebelum PKP)	Tiada (mengikut tarikh tamat asal)
2	20 Januari 2021 (dalam tempoh PKP)	30 Jun 2021

7. PELAKSANAAN LATIHAN

- 7.1 Berdasarkan arahan semasa, pelaksanaan latihan teori dan praktikal secara bersemuka semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP adalah dibenarkan. PB dikehendaki menyediakan SOP khusus untuk pelaksanaan latihan teori dan praktikal mengikut norma baharu, sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia. Syarat dan kaedah pelaksanaan latihan hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Latihan Kemahiran Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di Bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
- 7.2 Latihan bagi komponen teori boleh dilaksanakan mengikut ketetapan berikut:
- i. PB digalakkan menggunakan kaedah pembelajaran melalui pelbagai platform pembelajaran secara atas talian atau aplikasi lain yang bersesuaian.
 - ii. Pengajar boleh mengarahkan pelatih melaksanakan aktiviti pembelajaran menggunakan nota latihan atau apa-apa alat bantuan mengajar yang bersesuaian tanpa keluar rumah.
 - iii. Pengajar boleh menggunakan platform pembelajaran atas talian secara berkumpulan pada satu-satu sesi dan setiap bukti pembelajaran perlu disimpan untuk tujuan semakan JPK. Pelatih yang tidak dapat mengikuti sesi berkumpulan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, boleh diberi capaian untuk mendapatkan nota-nota yang digunakan seterusnya menyelesaikan tugas/latihan dalam tempoh yang ditetapkan.

- iv. Pengajar hendaklah memastikan jumlah jam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) direkod merujuk kepada tempoh latihan yang ditetapkan. Jumlah jam latihan yang dilaksanakan ini akandisemak dan disahkan oleh Penyelia JPK semasa sesi peperiksaan.
 - v. Sesi PdP dari segi masa, kaedah membimbing pelatih, menyemak dan memeriksa latihan/tugasan/aktiviti pelatih adalah bergantung kepada kreativiti pengajar. Keadaan ini juga bergantung kepada kesediaan dan keupayaan serta bentuk komunikasi dan aplikasi yang digunakan.
 - vi. Pelatih yang menghadapi masalah mengikuti sesi PdP secara atas talian sepanjang tempoh PKP, hendaklah berjumpa dengan pengajar selepas tempoh PKP tamat bagi melaksanakan latihan dalam satu sesi khas supaya tidak mengganggu aktiviti pembelajaran semasa.
- 7.3 Namun demikian, pelaksanaan latihan praktikal adalah digalakkan secara dalam talian bagi komponen berikut;
- i. Arahan Bertulis(*Written Instruction*) Tahap2;
 - ii. Prosedur Bertulis (*WrittenProcedure*) Tahap 3.

(Ruj.: ISO 9712:2012 7.2.1 & 7.2.2)

8. TEMPOH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa serta-merta sehingga tarikh pelanjutan tamat pada 30 Jun 2021.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA.**